

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
22 MAC 2018**

1. MENAIKTARAF UNIT / BAHAGIAN KEPADA JABATAN

Sukacitanya diimklumkan bahawa MPSP telah menaiktaraf Unit Skwad Khas dan Bahagian Teknologi Maklumat kepada jabatan. Oleh itu, Unit Skwad Khas telah ditukarkan kepada Jabatan Pengurusan Krisis manakala Bahagian Teknologi Maklumat pula telah ditukarkan kepada Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi.

Ketua jabatan yang telah dilantik untuk mengetuai Jabatan Pengurusan Krisis ialah Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin manakala Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi pula dipimpin oleh Encik Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah. Diharapkan kedua-dua ketua jabatan tersebut dapat memimpin jabatan yang baharu ini ke arah pengurusan yang lebih cekap, berkualiti dan berkesan.

2. PELANTIKAN PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (P&P) YANG BAHARU

Dimaklumkan bahawa MPSP juga telah melantik seorang Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) yang baharu iaitu Penolong Pengarah Teknologi Informasi dan Komunikasi, Cik Noor Rafidah binti Md Isa (Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41). Majlis mengucapkan tahniah atas perlantikan beliau dan diharapkan pentadbiran Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi dapat berfungsi dengan lebih lancar dan cekap.

3. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI CUKAI PINTU 2018

Sukacitanya dimaklumkan bahawa MPSP telah berjaya memungut cukai taksiran sebanyak **RM74.88 juta** sepanjang tempoh Promosi Cukai Pintu 2018 yang telah bermula pada 1 Disember 2017 sehingga 28 Februari 2018. Jumlah ini telah melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak RM65 juta.

Sebanyak **lima puluh lima (55)** hadiah telah disediakan bagi kategori bayaran secara online, agensi, bank atau kiosk manakala **sepuluh (10)** hadiah bagi kategori bayaran di kaunter MPSP. Oleh

itu, jumlah keseluruhan hadiah yang disediakan adalah sebanyak **enam puluh lima (65) hadiah.**

Bagi promosi kali ini, hadiah kategori bayaran secara online, agensi, bank atau kiosk adalah lebih banyak berbanding kategori kaunter. Ini bertujuan untuk menggalakkan orang awam supaya membayar cukai taksiran di saluran-saluran yang telah disediakan selain daripada kaunter MPSP yang mana ianya lebih mudah, cepat dan pantas.

Daripada analisa yang telah dibuat, sebanyak **13,100** akaun telah layak untuk menyertai cabutan bertuah bagi kategori bayaran secara online, agensi, bank atau kiosk manakala **18,465 akaun** pula layak untuk kategori bayaran di kaunter MPSP.

Senarai keseluruhan 65 bakal pemenang akan ditentukan dalam Majlis Cabutan Nama Pemenang Promosi Cukai Pintu 2018 yang akan diadakan sejurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini.

Para pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh Jabatan Perbendaharaan MPSP bagi urusan pengesahan serta akan

dijemput untuk hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah yang akan diadakan pada bulan April 2018 bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi.

Warga Seberang Perai boleh menyemak senarai pemenang cabutan bertuah Promosi Cukai Pintu 2018 di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my mulai hari Jumaat, 23 Mac 2018.

4. SAMBUTAN *EARTH HOUR* 2018

Sambutan *Earth Hour* peringkat antarabangsa akan diadakan pada hari Sabtu, 24 Mac 2018 bermula jam 8:30 malam hingga 9:30 malam (1 jam). Dikesempatan ini, sebagai satu langkah ke arah bandaraya rendah karbon, MPSP ingin menyeru seluruh Warga Seberang Perai agar turut serta bersama-sama dalam program ini dengan menutup lampu dikediaman tuan-tuan dan puan-puan dalam tempoh sejam yang dinyatakan tersebut. Tuan-tuan dan puan-puan juga digalakkan untuk membuat *posting* di laman *Facebook* atau *Twitter* dengan menggunakan tag *#myseberangperai* *#connect2earth* sebagai tanda sokongan anda. Justeru itu, marilah bersama-sama kita menjalankan tanggungjawab memelihara bumi ini.

5. MPSP CAR FREE MORNING PADA 1 APRIL 2018

Dimaklumkan bahawa MPSP Car Free Morning akan diadakan pada 1 April 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Program kali ini bertemakan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2018 yang mana pelbagai aktiviti menarik akan diadakan antaranya program Unity Run yang melibatkan hampir 4,000 peserta untuk aktiviti larian *Fun Run* sejauh 5 kilometer di sekitar kawasan Bandar Sunway, Seberang Jaya dan diteruskan dengan aktiviti kecergasan melalui senaman Zumba, Santai Mewarna untuk kanak-kanak & Kids Artwork Workshop, Bengkel serta Jualan barangan Upcycle & Kraftangan, pemeriksaan kesihatan oleh LPPKN & KPJ, pameran kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Daerah serta pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

6. STRATEGI BAHARU CARE FOR THE ELDERLY

Sempena Hari Wanita Sedunia yang disambut pada 8 Mac 2018, MPSP telah memperkenalkan strategi baharu *Care For The*

Elderly. Program yang telah dirancang di bawah strategi ini adalah *eco-teraphy* melalui program *Forest Bathing* atau **Terapi Rimba** yang akan diadakan di Bukit D.O, Bukit Mertajam pada 24 Mac 2018 (Sabtu) bermula jam 8 pagi dan program pemeriksaan kesihatan untuk warga emas pada 1 April 2018 (Ahad) semasa program MPSP Car Free Morning mulai jam 7.30 pagi. Kenderaan untuk membawa warga emas juga akan disediakan oleh MPSP.

7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP iaitu Senamrobik bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin akan diadakan pada 15 April 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik bersama MPSP di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 22 April 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.